Jilid I
Bil. 73

Hari Jumaat
21hb Oktober, 1983

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

## DEWAN RAKYAT

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KEENAM
*Sixth Parliament*

PENGGAL PERTAMA
*First Session*

## KANDUNGANNYA

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1984 [Ruangan 10477]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1984 [Ruangan 10514]**

DICETAK OLEH JABATAN PERCETAKAN NEGARA, KUALA LUMPUR
HAJI MOKHTAR SHAMSUDDIN, J.S.D., S.M.T., S.M.S., K.M.N., P.I.S.
KETUA PENGARAH
1986

Yang Berhormat Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

,, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID. D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

,, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

,, Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

,, Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).

,, Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah)

,, Menteri Sains, Teknoloji dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

,, Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

,, Menteri Kesihatan, DATO' CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).

,, Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

,, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).

,, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).

,, Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

,, Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

,, Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

,, Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).

,, Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).

,, Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).

,, Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

,, Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).

,, Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

,, Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).

,, Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).

,, Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

,, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).

,, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

,, Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).

,, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).

,, Timbalan Menteri Pelajaran, DR. TAN TIONG HONG (Raub).

,, Timbalan Menteri Penerangan PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).

,, Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).

,, Timbalan Menteri Kewangan, TUAN SABBARUDDIN CHIK (Temerloh).

,, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

,, Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).

,, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).

,, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).

,, Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K, J.P. (Alor Setar).

,, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, Tuan Hussein bin Mahmud (Tanah Merah).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, Tuan Au How Cheong, a.m.p. (Telok Anson).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah Tuan Zainal Abidin bin Zin (Bagan Serai).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, a.m.p. (Gerik).

,, Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, Tuan Awang bin Jabar, p.j.k. (Dungun).

,, Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Tuan Mustaffa bin Mohamed (Sri Gading).

,, Setiausaha Perlimen Kementerian Kesihatan, Tuan Yeoh Poh San (Petaling).

,, Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid (Silam).

,, Tuan Ghafar bin Baba (Jasin).

,, Tuan Abdul Ghani bin Misbah, p.p.n., b.s.k., a.s.d.k. (Kinabatangan).

,, Dr Abdil Hamid bin Pawanteh (Arau).

,, Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar, a.m.n., s.m.p. (Kuantan).

,, Tuan Abdul Rahman bin Sulaiman (Parit Buntar).

,, Datuk Patinggi Haji Abdul Taib bin Mahmud, d.p., d.a., s.p.m.j., p.g.d.k. (Samarahan).

,, Datuk Haji Abu Bakar bin Umar, d.s.k.d., s.d.k. (Kota Setar).

,, Tuan Haji Affandy bin Tuan Haji Mohd. Fuad Stephens (Marudu).

,, Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis, p.p.t. (Parit).

,, Datuk Alfred Jabu anak Numpang, p.n.b.s., k.m.n. (Betong).

,, Tuan Alias bin Md. Ali, p.j.k. (Ulu Terengganu).

,, Tuan Andrew Janggi Muyang (Lubok Antu).

,, Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim, a.m.p. (Batang Padang).

,, Tuan Bahari bin Haron (Labis).

,, Tuan Ban Hon Keong (Batu Gajah).

,, Dr George Chan Hong Nam (Lambir).

Yang Berhormat TAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).

,, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).

,, TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).

,, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

,, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).

,, TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).

,, TUAN HAJI DASUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).

,, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

,, DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).

,, TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

,, TUAN NEWAN GABAN (Bandau).

,, TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

,, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).

,, DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).

,, TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).

,, TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).

,, DATO' DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).

,, TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).

,, TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).

,, TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).

,, DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).

,, TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).

,, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).

,, TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).

,, TUAN KARPAL SINGH (Jelutung).

,, TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).

,, TUAN MARK KODING (Kinabalu).

,, DR KOH TSU KOON (Tanjong).

,, DATO' LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

,, TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

,, DR. LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).

Yang Berhormat DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).

,, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).

,, TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

,, TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).

,, TUAN LING SIE MING (Sibu).

,, TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).

,, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).

,, DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

,, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).

,, TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).

,, DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

,, TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).

,, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).

,, TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).

,, TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).

,, TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).

,, TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

,, TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).

,, DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).

,, TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).

,, TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).

,, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).

,, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).

,, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).

,, TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).

,, TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

,, DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).

,, TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).

Yang Berhormat TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).

,, TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).

,, TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

,, TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).

,, TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).

,, TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).

,, DR TAN SENG GIAW (Kepong).

,, TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

,, TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

,, WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).

,, WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).

,, WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMED (Pasir Puteh).

,, WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

,, TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).

,, TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).

,, DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

# DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

*Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

# DEWAN RAKYAT

**Jumaat, 21hb Oktober, 1983**

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 4.00 petang*

## DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Mesyuarat)*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1984

**Bacaan Kali Yang Kedua**

*4.00 ptg.*

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Rang Undang-undang bertajuk "Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1984 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu", dibacakan pada kali yang kedua.

**Ekonomi Antarabangsa.**

Ahli-ahli Yang Berhormat, tentulah masih ingat bahawa dalam Ucapan Belanjawan pada tahun lepas, saya telah membayangkan bahawa kemelesetan ekonomi antarabangsa yang paling buruk dan yang berlarutan itu mungkin berakhir. Sekarang sukalah saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa keadaan ekonomi dunia telah pun bertambah baik. Keadaan ekonomi di Amerika Utara dan di beberapa negara perindustrian sedang beransur pulih. Walau bagaimanapun, yang masih menjadi persoalan ialah sama ada pemulihan ini akan berterusan atau hanya untuk sementara waktu sahaja oleh kerana kadar pengganggguran dan kadar faedah bank di negara-negara tersebut masih lagi tinggi. Keadaan yang tidak berketentuan ini masih wujud oleh kerana kepincangan dalam ekonomi antarabangsa tidak lagi dianggap sebagai berpunca dari keadaan perniagaan yang turun naik dan bersifat sementara tetapi lebih merupakan masalah struktur ekonomi mereka dan yang bersifat jangka panjang. Oleh itu, masalah ini adalah lebih sukar diatasi dalam jangka masa yang pendek.

**Ekonomi Malaysia dalam Tahun 1983**

Suasana ekonomi antarabangsa yang rumit ini telah juga membawa kesan yang buruk ke atas ekonomi Malaysia. Misalnya, harga barangan yang rendah dan keadaan pasaran yang lembab telah menyebabkan sumber pendapatan dan simpanan kita kurang daripada paras pelaburan yang kita buat dan oleh itu menjejaskan Imbangan Pembayaran kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat, tentulah gembira mengetahui bahawa Malaysia adalah salah sebuah negara yang mula-mula sekali dapat mengesan masalah struktur ekonomi antarabangsa ini dan telah mengambil langkah-langkah tegas untuk membaiki Imbangan Pembayaran negara dan kedudukan kewangan Kerajaan. Bahkan, sejak akhir tahun 1981 lagi kita telah mula bimbang apabila mendapati kemelesetan ekonomi antarabangsa berlarutan, dan Kerajaan telah

mengambil langkah dengan penuh keazaman dengan jalan mengurangkan perbelanjaan Kerajaan sebanyak kira-kira $3 ribu dalam tahun 1982.

Kerajaan telah pun mengambil tindakan bagi mengatasi kesan-kesan yang lebih buruk dari kemelesetan ekonomi antarabangsa itu dengan mengemukakan Strategi untuk mengadakan Belanjawan yang bercorak berkembang atau "counter-cyclical". Bagaimanapun, langkah-langkah "counter-cyclical" ini tidak boleh diteruskan tanpa menyulitkan keadaan kewangan Kerajaan dan menjejaskan Imbangan Pembayaran negara serta pertumbuhan ekonomi negara pada masa hadapan. Oleh yang demikian, perbelanjaan Kerajaan terpaksa dihadkan walaupun menghadapi desakan untuk menambahkannya. Oleh itu, pada awal tahun ini sekali lagi beberapa langkah telah diambil untuk mengurangkan dan menjadualkan semula perbelanjaan Kerajaan bagi melindungi kepentingan ekonomi negara. Sungguhpun demikian, langkah-langkah ini telah diambil secara berhati-hati dan dengan penuh teliti, supaya ianya tidak menjejaskan rancangan sosio-ekonomi negara terutama sekali yang menyentuh kepentingan golongan yang berpendapatan rendah.

Import barang-barang dagangan kita telah bertambah dan harga barangan eksport kita pula telah turun. Ini telah membawa kesan yang tidak baik ke atas Imbangan Pembayaran negara. Akan tetapi sekarang ini, Akaun Dagangan menunjukkan lebihan sebanyak kira-kira $324 juta buat kali pertamanya sejak dua tahun dahulu. Tetapi oleh kerana pembayaran keluar negeri telah bertambah dengan banyak, Akaun Semasa Imbangan Pembayaran kita masih lagi mencatat kurangan, walaupun jumlahnya kecil sedikit jika dibandingkan dengan tahun 1982. Dengan kemasukan modal jangka panjang, termasuk modal pihak swasta, Imbangan Pembayaran pada keseluruhannya dijangka mencatat lebihan yang kecil.

Kedudukan kewangan Kerajaan juga menghadapi kesulitan. Hasil Kerajaan Persekutuan dianggar berjumlah lebih kurang $18.1 ribu juta, sedangkan perbelanjaan mengurus dianggar berjumlah $17.7 ribu juta. Jadi bagi tahun 1983, Akaun Semasa Kerajaan dianggar mendapat lebihan sebanyak $402 juta.

Keupayaan Kerajaan untuk melaksanakan berbagai-bagai projek pembangunan telah meningkat. Ini telah menyebabkan bertambahnya desakan untuk mendapat peruntukan yang lebih bagi berbagai projek dan program pembangunan di seluruh negara. Walau bagaimanapun, Kerajaan terpaksa menghadkan Perbelanjaan Pembangunan, semata-mata kerana keadaan Imbangan Pembayaran yang tidak baik. Jumlah perbelanjaan pembangunan mungkin meningkat kepada kira-kira $12.7 ribu juta tahun ini, walau bagaimanapun ia akan dikurangkan kepada kira-kira $10.2 ribu juta bagi keseluruhan tahun 1983. Langkah-langkah ini akan mengurangkan jumlah kurangan kira-kira Kerajaan Persekutuan pada keseluruhannya kepada lebih kurang $9.8 ribu juta, berbanding dengan kurangan sebanyak $11.2 ribu juta dalam tahun 1982.

Sungguhpun perbelanjaan Kerajaan telah dikurangkan, tetapi ekonomi negara dijangka akan mencapai prestasi yang baik. Ini adalah kerana sumbangan dari industri-industri perlombongan dan pembuatan yang dijangka akan mencapai prestasi yang lebih baik lagi daripada tahun lepas, dengan kadar pertumbuhan masing-masing sebanyak 20.2% dan 7.4%.

Industri pembinaan juga dijangka mencapai prestasi yang lebih baik, dengan kadar pertumbuhan sebanyak 8.4%. Bagi tahun 1983, ekonomi Malaysia dijangka mencatat kadar pertumbuhan sebanyak 5.6% berbanding dengan kadar 4.9% yang diramalkan dalam Belanjawan 1983.

**Belanjawan 1984**

Tuan Yang Dipertua, Walaupun keadaan ekonomi antarabangsa masih belum dapat ditentukan tetapi ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa keadaan ekonomi negara-negara perindustrian dan juga ekonomi Malaysia bagi tahun 1984 nampaknya akan bertambah lebih cerah. Negara-negara yang sedang membangun tidak dapat tidak akan menerima kesan buruk akibat keadaan ekonomi antarabangsa yang kurang menyenangkan itu. Lagi pun, kita tidak dapat menentukan keadaan ekonomi masa depan oleh kerana banyak negara perindustrian cenderung mengambil langkah-langkah menggunakan dasar-dasar perlindungan, sebagai jalan yang mudah untuk mengatasi masalah-masalah ekonomi mereka dalam jangka masa pendek. Langkah-langkah ini terutama sekali ditunjukan terhadap negara-negara membangun.

Maka kita mestilah terus berhati-hari dan oleh itu kita mestilah memperbanyakkan usaha-usaha kita merancang bukan sahaja untuk jangka sederhana tetapi juga untuk jangka panjang ekonomi kita. Kita juga mestilah menentukan supaya Belanjawan-belanjawan Tahunan terus dapat menyokong usaha-usaha pengubahsuaian struktur ekonomi negara kita. Dengan demikian, Strategi Belanjawan ini telah disusun sebegitu rupa supaya dapat mencapai matlamat dasar-dasar dan program-program sosio-ekonomi kita selaras dengan Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat.

**Strategi Belanjawan 1984**

Setelah mengambil kira kesemua masalah, Strategi Belanjawan tahun 1984 adalah bertujuan untuk:

(i) membaiki dan mengukuhkan lagi Imbangan Pembayaran negara; dan

(ii) memperkemas dan mengukuhkan lagi kedudukan kewangan Kerajaan, supaya perbelanjaan mengurus dan lebih-lebih lagi perbelanjaan pembangunan disesuaikan dengan sumber-sumber yang ada.

**Imbangan Pembayaran**

Imbangan Pembayaran negara telah mengalami kesulitan sejak tahun 1980. Pada masa itulah Akaun Semasa Imbangan Pembayaran negara buat pertama kalinya telah menghadapi kurangan. Dengan bertambah melesetnya ekonomi antarabangsa, Imbangan Pembayaran kita makin bertambah merosot dalam tahun 1982, lalu menyebabkan Akaun Semasa mengalami kurangan sebanyak $7.6 ribu juta.

Tetapi langkah-langkah Kerajaan menghadkan perbelanjaan telah membantu kita menyekat Imbangan Pembayaran kita dari merosot lagi. Harga bagi barang-barang eksport yang bertambah baik baru-baru ini juga telah dapat menolong memperkukuhkan kedudukan Imbangan Pembayaran negara.

Oleh itu, kita menjangka keadaan akan bertambah baik bagi tahun 1984. Adalah dijangkakan Akaun Perdagangan akan mencatat lebihan sebanyak $2.8 ribu juta. Walaupun Akaun Semasa akan menunjukkan kurangan sebanyak lebih kurang $4.5 ribu juta, tetapi ini adalah lebih baik jika dibandingkan dengan kurangan sebanyak lebih kurang $6.5 ribu juta yang dianggarkan bagi tahun ini.

Adalah diramalkan bahawa Imbangan Pembayaran bagi tahun 1985 akan juga bertambah baik. Sungguhpun demikian, kita masih perlu berhati-hati dan janganlah kita mengharapkan keadaan yang diramalkan ini akan berlaku sekiranya kita tidak berbuat apa-apa. Kita mestilah mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan lagi eksport barangan dan perkhidmatan kita. Kita juga perlu menentukan supaya dasar-dasar kita untuk menghadkan perbelanjaan dan mengurangkan import terus memberi kesan yang baik. Prestasi Imbangan Pembayaran kita yang bertambah kukuh itu hendaklah diperteguhkan lagi sekarang dan juga untuk jangkamasa sederhana supaya ianya menjamin ketahanan Imbangan Pembayaran bagi jangkamasa panjang. Maka Belanjawan bagi tahun 1984 akan mengemukakan langkah-langkah untuk memperkukuhkan lagi Imbangan Pembayaran negara kita.

**Eksport**

**Memperkenalkan Sekim Galakan untuk Pengguna-pengguna Timah Tempatan**

Eksport barang-barang kilang kita telah pun bertambah dengan banyak tetapi ini belum lagi memuaskan. Masih banyak lagi yang perlu dilakukan oleh pihak swasta, umpamanya memproses dan mengeksport barang-barang buatan yang menggunakan bahan-bahan mentah kita. Kerajaan akan terus membantu pihak swasta ke arah ini.

Berhubung dengan ini, adalah dicadangkan supaya pengguna-pengguna bijih timah diberi bayaran balik sebanyak $700 setiap tan bagi timah yang diguna dalam negeri untuk menggalakan lebih banyak timah diproses dalam negeri menjadi keluaran barang siap.

Begitu juga halnya dengan bahan-bahan mentah yang lain di mana langkah-langkah akan dikemukakan untuk menggalakan lebih banyak bahan-bahan mentah seperti getah untuk diproses dan dikilang dalam negeri kerana ianya mempunyai potensi yang baik.

**Meluaskan Skop Elaun Bangunan Perindustrian (EBP)**

Untuk menggalakan lebih banyak lagi latihan perindustrian oleh sektor swasta mengatasi kekurangan pekerja mahir dan untuk memajukan perkembangan eksport, adalah dicadangkan supaya galakan cukai berbentuk elaun bangunan perindustrian diberi untuk meliputi bangunan-bangunan yang diluluskan untuk latihan perindustrian, gudang-gudang serta setor-setor untuk simpanan secara pukal.

**Cadangan untuk Membantu Perniagaan Barang-barang Kemas**

Untuk menggalakan perniagaan dan eksport barang-barang kemas, adalah dicadangkan supaya duti import dan cukai tokok ke atas berbagai bahan mentah seperti emas, batu-batu permata dan separa permata yang digunakan dalam pembuatan barang-barang kemas dimansuhkan. Selain daripada itu, adalah juga dicadangkan supaya barang-barang kemas yang siap dikecualikan dari cukai jualan.

**Import**

Tuan Yang Dipertua, pembayaran ke atas import kita telah meningkat dengan cepat sekali oleh kerana harga barang-barang dari luar negeri tinggi, perbelanjaan awam semakin meningkat dan juga oleh kerana dasar import kita longgar. Kita telah pun mengurangkan perbelanjaan awam dan ini akan dapat mengurangkan import. Tetapi kita perlu mengambil langkah tambahan untuk mengurangkan import.

**Kajian Semula Duti Import Ke atas Barang-barang Tertentu**

Oleh kerana kesulitan yang dihadapi dalam Imbangan Pembayaran negara, kita perlulah mengubahsuai dasar import kita yang longgar ini. Duti-duti import yang dikenakan ke atas kebanyakan barang yang diimport yang digunakan oleh golongan yang berada masih rendah pada nisbahnya. Lagi pun, barang-barang yang diimport seperti makanan dan pakaian boleh diganti dengan senangnya oleh barang-barang keluaran tempatan. Oleh itu adalah dicadangkan supaya duti import ke atas 66 jenis barang dinaikkan dalam lingkungan antara 5% sehingga 50%. Saya suka menegaskan di sini bahawa makanan dan barang-barang lain yang digunakan oleh golongan berpendapatan rendah tidak terlibat dengan langkah ini. Saya berharap cadangan ini akan mengurangkan import barang-barang yang difikirkan tidak perlu itu.

**Cadangan untuk Menyatukan Cukai Tokok dengan Duti Import dan Menukar Duti Tertentu kepada Duti Menurut Nilai**

Sekarang adalah dicadangkan supaya cukai tokok dan cukai import yang dikenakan ke atas berbagai-bagai barang yang diimport termasuk bahan-bahan mentah disatukan sebagai usaha lanjutan untuk menyelaras dan memudahkan kutipan hasil kastam. Selain dari itu adalah dicadangkan supaya duti-duti import ditukar dari kadar tertentu atau "specific" kepada kadar menurut nilai atau "ad Valorem". Buat permulaannya, langkah ini akan melibatkan 45 jenis barang import. Tujuan penukaran kadar duti import ini ialah supaya hasil dari duti import akan berubah sealiran dengan perubahan-perubahan harga-harga import. Dalam menentukan kadar duti ini, perlindungan yang cukup bagi industri-industri tempatan akan diambilkira.

**Duti Import Ke atas Kereta**

Sebagai satu lagi langkah tambahan untuk memperbaiki Imbangan Pembayaran kita, saya cadangkan duti import ke atas kereta-kereta yang belum siap dipasang dinaikkan dari kadar 15% sekarang kepada 25%. Di samping itu, saya cadangkan duti import ke atas kereta-kereta yang siap dipasang dinaikkan sebanyak 10% bagi setiap kategori harga di bawah struktur duti import yang ada sekarang. Bagi kereta-kereta yang bernilai lebih daripada $40,000, saya cadangkan supaya duti import dinaikkan dari 200% kepada 260% supaya ianya akan mengurangkan import kereta-kereta jenis mahal. Langkah ini juga akan membantu melindungi projek kereta kebangsaan di masa hadapan.

**Penarikan Balik Elaun Susutan Dipercepat bagi Alat-alat Binaan Berat.**

Elaun Susutan Dipercepat yang diberi dan berkuatkuasa sehingga 31hb Disember, 1985 telah menyebabkan bertambahnya bilangan alat-alat binaan berat melebihi apa yang diperlukan dalam negeri. Ini bukanlah satu hal yang patut digalakkan dan oleh itu adalah dicadangkan supaya Elaun Susutan Dipercepat bagi alat-alat binaan berat ditarik balik mulai daripada hari ini.

**Pengenalan Duti Import Ke atas Alat-alat Binaan Berat**

Saya juga mencadangkan supaya duti import sebanyak 10% dikenakan ke atas alat-alat tersebut. Pengenaan duti import ini diharap akan membantu pemasangan dan pembuatan sebahagian daripada alat-alat binaan ini di dalam negeri kita.

**Akaun Perkhidmatan**

Tuan Yang Dipertua, negara kita memang mengalami kurangan dalam

akaun perkhidmatan Imbangan Pembayaran dan ini menjadi semakin buruk dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Jumlah kurangan bagi tahun 1979 cuma $4.3 ribu juta. Bagi tahun 1982, ianya telah meningkat kepada $5.6 ribu juta. Tahun ini, kita menjangka ia berjumlah $6.8 ribu juta. Keadaan ini amat tidak memuaskan. Keadaan ini berpunca dari beberapa sebab: iaitu, bayaran untuk tambang perkapalan dan insuran keluar negeri adalah amat besar; aliran keluar kerana pembayaran keuntungan dan, akhir-akhir ini, pembayaran faedah ke atas pinjaman masih terlalu tinggi; kita membelanjakan wang terlalu banyak untuk pelajaran dan pelancungan keluar negeri, kita membuat pembayaran terlalu banyak untuk perkhidmatan perunding dan kontraktor asing. Berdasarkan kajian-kajian dan syor-syor yang dibuat oleh Majlis mengenai Perdagangan Tak Ketara Malaysia, beberapa langkah telah diambil dalam bidang-bidang yang penting semenjak Belanjawan tahun 1982 untuk memperbaiki keadaan ini. Tetapi kesan langkah-langkah ini sudah tentu akan mengambil masa. Dari sekarang hinggalah tahun 1985, strategi-strategi baru akan dilaksanakan untuk mengurangkan kurangan dalam perdagangan tak ketara negara kita.

Pada dasarnya, kita akan menambah keupayaan dan kebolehan kita dalam bidang perkapalan dan insuran supaya dapat bersaing di peringkat antarabangsa dalam menyediakan perkhidmatan perkapalan dan insuran. Dalam bidang pelancungan, kita perlu melancarkan program secara besar-besaran untuk mengada dan menggalakkan pembinaan kemudahan-kemudahan dan juga infrastruktur. Ini akan menggalakkan pelancungan dalam negeri di samping menarik lebih ramai pelancung dari luar negeri, terutamanya dari negara-negara jiran. Peluang-peluang dalam bidang ini adalah luas. Di samping itu kemudahan-kemudahan untuk pelajaran, terutamanya bagi pelajaran lepasan menengah dan pelajaran tinggi, akan diperluaskan untuk menampung permintaan yang kian meningkat dalam bidang pelajaran dan untuk mengurangkan bilangan penuntut yang belajar di luar negeri. Tindakan telah pun dimulakan untuk menubuhkan Universiti yang keenam. Kita juga perlu mengurangkan pergantungan kita kepada perkhidmatan perunding-perunding dan kontraktor-kontraktor asing.

**Galakan Cukai untuk Industri Perkapalan**

Memandangkan ehwal perkembangan industri perkapalan di negara kita pada ketika ini, adalah dirasakan galakan-galakan cukai untuk perusahaan perkapalan yang diberi sekarang ini patutlah diubah supaya ianya lebih menarik, dengan tujuan untuk mencapai matlamat Kerajaan mewujudkan satu perusahaan perkapalan yang besar di negara kita. Ini adalah amat mustahak sekiranya kita hendak mengurangkan kurangan yang besar yang terdapat dalam Imbangan Pembayaran kita, terutama sekali pembayaran mengenai tambang perkapalan dan insuran. Oleh itu adalah dicadangkan supaya galakan cukai yang ada sekarang disemak semula dan diganti dengan beberapa peruntukan · baru dengan cara:

(i) mengecualikan cukai ke atas ke semua pendapatan daripada perusahaan perkapalan yang berpunca atau dianggap berpunca dari operasi kapal-kapal mereka yang berdaftar di Malaysia; dan

(ii) mengecualikan semua pembahagian untung yang

diterima oleh pemegang-pemegang saham yang berpunca dari pendapatan perusahaan perkapalan yang berkenaan.

Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1984.

**Pengecualian Cukai Ke atas Pelaut-pelaut Di Perairan Tempatan**

Sejajar dengan pengecualian yang diberi kepada pelaut-pelaut yang bertugas di atas kapal yang berdaftar di Malaysia dan yang menjalankan urusan pengangkutan antarabangsa, adalah juga dicadangkan supaya pengecualian cukai diberi juga kepada pelaut-pelaut yang bertugas di atas kapal yang belayar dalam perairan tempatan dan cadangan ini berkuatkuasa mulai dari tahun taksiran 1984.

**Kemudahan Tambang Percuma untuk Pekerja**

Pada masa ini faedah dari kemudahan tambang percuma bagi perjalanan di antara Malaysia dan lain-lain tempat di luar Malaysia untuk pekerja, serta tanggungannya, pembantu rumahnya dan tetamunya tidak dikenakan cukai. Peruntukan yang ada sekarang ini tidak menghadkan berapa kalikah perjalanan dan berapa ramaikah orang yang boleh menikmati faedah tersebut. Oleh itu adalah dicadangkan supaya faedah perjalanan percuma yang tidak dikenakan cukai dihadkan kepada sekali setahun dan itupun faedah ini dihadkan untuk dinikmati oleh pembayar cukai dan anak isterinya sahaja. Untuk menggalakkan perjalanan dalam negeri adalah dicadangkan supaya faedah perjalanan percuma dalam negeri dikecualikan daripada cukai tetapi inipun dihadkan faedah itu kepada tiga kali setahun bagi pembayar cukai dan anak isterinya. Cadangan ini berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1985.

**Pengenaan Bayaran ke atas Kenderaan Barang-barang dan Paspot serta Dokumen-dokumen Perjalanan**

Sebagai langkah tambahan, saya cadangkan supaya satu pembayaran dikenakan ke atas semua kenderaan barang termasuk kenderaan asing yang meninggalkan negara ini pada kadar $100 tiap-tiap satu kenderaan bagi tiap-tiap kali ianya meninggalkan negara ini. Semua kenderaan penumpang termasuk bas dan bas persiaran tidak akan dikenakan pembayaran ini. Pembayaran yang dikenakan ini akan berkuatkuasa mulai awal tahun hadapan. Begitu juga, mulai dari hari ini bayaran-bayaran untuk paspot dan dokumen-dokumen perjalanan akan dinaikkan sekali ganda pada umumnya.

**Duti Setem ke atas Broker**

Urusniaga antara broker adalah dikecuali dari bayaran duti setem ke atas nota kontrak. Pengecualian ini termasuk urusniaga-urusniaga antara broker tempatan dan broker asing. Untuk memperluaskan bidang duti setem ke atas nota kontrek, adalah dicadangkan supaya kadar duti setem yang ada sekarang bagi nota kontek sebanyak 0.1% dikenakan ke atas semua urusniaga antara broker tempatan dengan broker asing. Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1984.

**Pendapatan Sewaan bagi Bukan Pemastautin**

Pendapatan dari sewa yang diperolehi oleh bukan pemastautin kerana menyewakan harta-harta yang boleh dipindahkan adalah dikenakan cukai. Bagi mempastikan supaya cukai ke atas pendapatan seumpama ini dapat dipungut adalah dicadangkan supaya cukai pegangan sebanyak 15% dikenakan ke atas pendapatan dari sewa yang diperolehi oleh bukan pemastautin dari harta-harta tersebut.

**II. Untuk Menyatu dan Mengukuhkan Kewangan Kerajaan**

Tuan Yang Dipertua, perbelanjaan Kerajaan merupakan 40% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) dan perbelanjaan Kerajaan memberi kesan secara langsung ke atas kedudukan Imbangan Pembayaran kita. Oleh itu, Ahli-ahli Yang Berhormat tentu bersetuju bahawa Kerajaan patut mengambil daya utama untuk mempengaruhi prestasi Imbangan Pembayaran kita. Ini akan kita lakukan terus menerus dengan cara mengurangkan perbelanjaan terutama sekali perbelanjaan bagi projek pembangunan yang mempunyai unsur tukaran asing yang banyak. Cadangan untuk menswastakan sebilangan dari bermacam-macam perkhidmatan yang sekarang diselenggarakan oleh Kerajaan akan juga membantu mengurangkan perbelanjaan Kerajaan.

Langkah untuk menghadkan perbelanjaan awam sudah tentu akan membantu mengurangkan pinjaman luar negeri. Nisbah khidmat bayaran hutang Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1983 sekarang ini dianggarkan sebanyak 6%. Nisbah ini tidaklah tinggi. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan menentukan supaya kenaikan kadar ini dikawal dan seberapa yang boleh dikurangkan dalam jangkamasa sederhana. Kedudukan kita dalam pasaran wang antarabangsa masih dipandang tinggi dan memanglah tujuan kita hendak mengekalkan kedudukan ini.

Oleh sebab kesulitan kewangan Kerajaan dan kesulitan yang dihadapi dalam Imbangan Pembayaran negara, langkah yang diambil sekarang untuk menghadkan perbelanjaan dalam beberapa tahun kebelakangan ini akan diteruskan sepanjang tempoh Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat. Beberapa projek pembangunan yang sedang dilaksana akan dijadualkan semula dan beberapa projek yang lain pula ditangguhkan jika kita boleh berbuat demikian dan jika didapati perlu. Langkah mengurangkan perbelanjaan ini juga melibatkan projek-projek pelaburan yang dilaksana dan dibiayai sendiri oleh agensi-agensi sektor awam di luar Belanjawan Persekutuan. Perbelanjaan di luar Belanjawan Kerajaan Persekutuan ini merupakan sebahagian daripada jumlah pelaburan sektor awam yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Bagi tahun 1984, projek-projek yang dibiayai di luar Belanjawan Persekutuan berjumlah kira-kira $7.0 ribu juta. Daripada jumlah ini Kerajaan Persekutuan akan menyumbangkan sebanyak $1.2 ribu juta sebagai modal dan pinjaman. Perbelanjaan di luar Belanjawan Kerajaan Persekutuan ini adalah bagi membiayai projek-projek agensi-agensi sektor awam seperti Lembaga Letrik Negara, Jabatan Telekom, Petronas, Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Kedua-dua perbelanjaan pembangunan oleh Kerajaan Persekutuan dan oleh agensi-agensi sektor awam di luar Belanjawan Kerajaan Persekutuan yang berjumlah lebih daripada $14.4 ribu juta itu mungkin menjadi lebih tinggi sekiranya Kerajaan tidak menghadkannya. Kalau dikira dari segi nisbahnya sebagai sebahagian dari Keluaran Negara Kasar, maka kurangan kewangan Kerajaan Persekutuan keseluruhannya, setelah perbelanjaan dihadkan, telah dapat dikurangkan daripada kira-kira 19% dalam tahun 1982 kepada kira-kira 15.3% bagi tahun ini. Dan adalah dirancangkan supaya kurangan ini dapat diturunkan lagi kepada 10.8% bagi tahun 1984 dan kepada kira-kira 6% bagi tahun 1985. Di Samping itu, kurangan bagi sektor awam pada

keseluruhannya, iaitu termasuk kurangan yang dialami oleh agensi-agensi sektor awam jika di pandang dari segi bahagiannya dalam Keluaran Negara Kasar, adalah dijangka akan dapat dikurangkan daripada 25.2% pada tahun ini kepada 18.3% dalam tahun 1984 dan kepada 11.5% dalam tahun 1985. Matlamat-matlamat perbelanjaan yang dirancangkan ini membayangkan keazaman Kerajaan untuk mengambil langkah-langkah mengubahsuaikan struktur ekonomi negara supaya memperbaiki Imbangan Pembayaran dan kedudukan kewangan Kerajaan.

**Pengecualian ke atas Faedah dari Sekuriti Kerajaan**

Seperti biasa, Belanjawan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1984 akan dibiayai sebahagian besarnya dari pinjaman dalam negeri iaitu dari punca-punca yang tidak mempunyai unsur-unsur inflasi. Untuk menggalakkan lebih banyak orang ramai membeli sekuriti Kerajaan serta untuk memajukan pasaran modal tempatan, adalah dicadangkan supaya faedah yang diterima oleh individu-individu yang melabur dalam sekuriti Kerajaan dikecualikan daripada cukai.

**Peruntukan Belanjawan 1984**

Tuan Yang Dipertua, sekarang, saya mencadangkan supaya sejumlah $27,692 juta diperuntukan bagi Belanjawan 1984. Ini terdiri daripada $19,016 juta atau 69% bagi Perbelanjaan Mengurus dan $8,676 juta atau 31% bagi Perbelanjaan Pembangunan.

Dari segi peruntukan mengikut sektor, sejumlah $1,869 juta atau 9.8% daripada Perbelanjaan Mengurus adalah diperuntukkan bagi perkhidmatan ekonomi. Peruntukan bagi sektor sosial berjumlah sebanyak $4,894 juta atau 25.7%. Jumlah ini termasuk $3,365 juta bagi Pelajaran dan $956 juta bagi Kesihatan. Sejumlah $3,255 juta adalah diperuntukkan bagi Pertahanan dan Keselamatan Dalam Negeri.

Peruntukan perbelanjaan mengurus dalam Belanjawan 1984 adalah bertambah sebanyak kira-kira 1,937 juta atau 11.3% melebihi perbelanjaan mengurus yang diperuntukkan dalam Belanjawan tahun 1983. Tambahan ini adalah termasuk keperluan menampung kenaikan sebanyak 22% dalam perbelanjaan bayaran hutang Kerajaan Persekutuan. Jika perbelanjaan terhadap bayaran hutang Kerajaan Persekutuan ini tidak bertambah, perbelanjaan mengurus akan bertambah sebanyak $1,062 juta sahaja atau 6.2%, dan tambahan ini digunakan sebahagian besarnya untuk menampung kenaikan biasa bayaran gaji, yang merupakan kira-kira 32.7% daripada jumlah Perbelanjaan Menurus.

Perbelanjaan Mengurus akan terus diperkemas sebagai langkah yang berterusan untuk memperteguh lagi kedudukan kewangan kita dan untuk mencapai hasil yang lebih berkesan dari perbelanjaan yang terhad. Dasar fiskal atau Belanjawan adalah bertujuan untuk mencapai lebihan dalam Akaun Semasa supaya kita dapat menggunakan lebihan ini untuk membantu kita membiayai perbelanjaan pembangunan. Ini sudah tentu membantu kita mengurangkan pinjaman.

Seperti yang telah pun dilakukan tahun ini, Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menentukan supaya perbelanjaan Kerajaan dalam tahun 1984 dikawal dengan lebih ketat dan seboleh-bolehnya dikekalkan pada tingkat yang serendah-rendahnya. Langkah-langkah ini termasuklah meneruskan langkah membekukan mana-mana jawatan kosong dan tidak

mengadakan jawatan-jawatan baru dalam semua kategori perkhidmatan awam, kecuali yang paling mustahak sahaja. Perbelanjaan-perbelanjaan untuk hal-hal lain seperti pengangkutan dan perjalanan, mesyuarat dan persidangan, kemudahan am dan alat-alat serta kelengkapan pejabat, akan dikurangkan seberapa yang dapat.

Belanjawan Pembangunan Tahun 1984 akan memperuntukkan sejumlah $5,270 juta atau 60.7% daripada seluruh Perbelanjaan Pembangunan untuk Sektor Ekonomi. Daripada jumlah ini, sebanyak $1,325 juta atau 15.3% daripada seluruh Perbelanjaan seluruh Pembangunan akan disediakan untuk Pertanian, sebanyak $1,378 juta untuk Kemudahan-kemudahan Awam dan $1,688 juta untuk Pengangkutan dan Perhubungan. Sebanyak $1,461 juta lagi atau 16.9% daripada seluruh Perbelanjaan Pembangunan akan disediakan untuk Sektor Sosial. Jumlah ini termasuk $812 juta untuk Pelajaran, $170 juta untuk Kesihatan dan $340 juta untuk Perumahan. Pertahanan dan Keselamatan Dalam Negeri akan diperuntukkan sebanyak $1,199 juta atau 13.8% daripada jumlah Perbelanjaan Pembangunan.

Walaupun Kerajaan menjadualkan semula perbelanjaannya, keutamaan yang tinggi akan terus diberi kepada projek-projek untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarkat selaras dengan matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru. Oleh itu peruntukan berjumlah $1,994 juta akan disediakan bagi projek-projek membasmi kemiskinan dan $594 juta bagi projek-projek penyusunan semula masyarakat. Kerajaan akan terus menyediakan peruntukan yang cukup untuk membaiki dan menambahkan lagi kemudahan-kemudahan infrastruktur di kawasan-kawasan luar bandar. Untuk tujuan ini, sebanyak $143 juta akan diperuntukkan bagi membaiki dan membina jalan luar bandar dan jalan kampung, sebanyak $90 juta untuk bekalan elektrik luar bandar dan sebanyak $64 juta untuk bekalan air luar bandar.

**Penyertaan Bumiputera dalam Perdagangan dan Perindustrian**

Melalui berbagai agensinya, Kerajaan akan terus menyediakan peruntukan yang cukup bagi meningkatkan penyertaan orang-orang Melayu dan bumiputera yang lain dalam perdagangan dan perindustrian selaras dengan matlamat penyusunan semula masyarakat di bawah Dasar Ekonomi Baru. Dengan itu, sejumlah $97 juta disediakan kepada UDA bagi pelaksanaan program-program pembangunannya dan $142 juta kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) untuk melaksanakan berbagai-bagai projek seperti pembangunan kawasan perindustrian, penyediaan kemudahan untuk perniagaan, pembangunan perumahan, pembaharuan bandar, pembangunan tanah, pelaburan dan juga pembangunan infrastruktur bagi pelancongan. Segala pembangunan ini akan juga memberi manfaat kepada peniaga-peniaga kecil. Sebanyak $4.5 juta diperuntukkan bagi membantu para penjaja, sementara $16.3 juta akan diberi kepada industri kecil untuk memajukan potensi mereka. Selain dari itu MARA akan terus mengadakan biasiswa dan program latihan untuk mengembangkan keusahawan bumiputera dan bagi tujuan ini sejumlah $200 juta adalah diperuntukkan.

**Pelajaran**

Daripada jumlah $3,365 juta untuk pelajaran yang disediakan dalam Perbelanjaan Mengurus, sebanyak $2,343 juta adalah untuk program

pelajaran rendah dan menengah, dan $440 juta untuk pelajaran tinggi. Oleh kerana Kerajaan kini telah pun berjaya memperluaskan kemudahan-kemudahan pelajaran ke kawasan-kawasan pendalaman, maka bolehlah kita lebih banyak lagi menumpukan perhatian bagi meninggikan lagi mutu pelajaran kita. Perbelanjaan-perbelanjaan yang besar ini termasuk juga pemberian kepada Hospital Universiti dan Hospital Pengajaran yang baru ditubuhkan di Kubang Krian dan juga kepada Institiut Teknoloji Mara. Sebanyak $60 juta akan disediakan untuk 35 buah sekolah menengah vokesyenal, 9 buah sekolah menengah teknik dan 4 buah politeknik. Kesemua institusi ini akan melatih lebih daripada 20,000 orang pelajar dan ini akan dapat membantu memenuhi permintaan yang kian meningkat untuk tenaga mahir dan teknikal. Sejumlah $812 juta akan disediakan untuk pembangunan bagi menampung keperluan kemudahan-kemudahan pelajaran yang kian bertambah terutama sekali untuk pelajaran rendah dan menengah. Kira-kira 3,900 buah bilik darjah baru akan dibina untuk menampung pertambahan bilangan murid-murid sekolah rendah dan menengah yang berjumlah 137,000 orang. Selain daripada itu, 3 buah politeknik baru dan 9 buah sekolah menengah vokesyenal yang baru akan dibina. Di peringkat pelajaran tinggi $229 juta akan disediakan untuk menambah kemudahan-kemudahan di universiti-universiti termasuk Universiti Islam Antarabangsa.

**Duti-duti atas Perakam Video dan Tape Video**

Adalah dirasakan bahawa orang ramai dan terutama sekali institusi-institusi pelajaran akan dapat faedah daripada penurunan duti import yang dikenakan ke atas perakam-perakam video dan tape video. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya duti import yang dikenakan ke atas perakam video dikurangkan kepada 15% dan semua duti-duti di atas tape video dihapuskan. Sungguhpun demikian, cukai jualan dan cukai tokok akan terus dikenakan ke atas perakam video.

**Cadangan untuk Menghapuskan semua Duti ke atas Mesin Kira-kira Saiz Kecil.**

Begitu juga, saya cadangkan supaya semua duti yang dikenakan ke atas mesin kira-kira saiz kecil dihapuskan, terutama sekali oleh kerana mesin ini digunakan dengan luasnya oleh para pelajar dan para peniaga kecil.

**Kesihatan**

Bidang kesihatan juga adalah diberi keutamaan yang tinggi memandangkan kemudahan-kemudahan kesihatan yang disediakan oleh Kerajaan adalah bertujuan untuk memberi manfaat kepada golongan yang amat memerlukan perkhidmatan ini dan golongan yang berpendapatan rendah. Sejumlah $956 juta adalah disediakan bagi Perbelanjaan Mengurus yang bertujuan untuk mencapai matlamat membanyakkan kemudahan-kemudahan kesihatan yang bercorak penggalakan, pencegahan, rawatan dan pemulihan bagi memperbaiki taraf kesihatan rakyat seluruhnya. Oleh itu Kerajaan akan terus mempertingkat perkhidmatan dan menambah lagi kemudahan-kemudahan kesihatan terutama sekali bagi golongan berpendapatan rendah. Bagi tujuan ini, sebanyak $170 juta akan disediakan untuk projek-projek pembangunan yang meliputi pembinaan 10 buah hospital baru, 40 buah pusat kesihatan dan kelinik desa di samping memperbaiki dan meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan perubatan yang mustahak di 18 buah hospital yang ada. Walau

bagaimanapun, Ahli-ahli Yang Berhormat tentulah faham bahawa Kerajaan tidak boleh terus-menerus menanggung beban untuk mengadakan perkhidmatan dan kemudahan kesihatan yang kini sedang dinikmati oleh kedua-dua golongan berpendapatan rendah dan tinggi dengan bantuan subsidi yang banyak dari Kerajaan. Oleh itu, Kerajaan akan menumpukan perhatian yang lebih bagi menyedia dan menambahkan lagi kemudahan ini terutamanya untuk faedah golongan yang berpendapatan rendah. Golongan yang berada dalam masyarakat kita tidak bergantung sangat kepada perkhidmatan kesihatan yang disediakan oleh Kerajaan. Bagi memenuhi keperluan kumpulan yang berada ini, Kerajaan akan terus menggalakan sektor swasta untuk menyediakan lebih banyak lagi kemudahan-kemudahan perubatan dan kesihatan.

**Meluaskan Skop Elaun Susutan Dipercepat**

Oleh itu adalah dengan ini dicadangkan supaya Elaun Susutan Dipercepat diperluaskan untuk meliputi alat-alat perubatan, alat-alat hospital dan alat-alat pergigian. Ini bertujuan menggalakkan doktor-doktor persendirian dan hospital-hospital yang diusahakan oleh pihak swasta untuk menambah pelaburan mereka dalam pembelian alat-alat bagi kegunaan hospital, klinik pergigian dan perubatan yang berkenaan.

**Perumahan Kos Rendah**

Pembinaan rumah-rumah kos rendah akan terus dititikberatkan dalam tahun 1984. Walaupun keadaan ekonomi meleset, Kerajaan akan berusaha sedaya upaya untuk memajukan seberapa banyak projek perumahan kos rendah. Kerajaan akan terus menggalakkan lebih banyak lagi penyertaan pihak swasta dalam program ini. Sejumlah $340 juta ada disediakan untuk projek-projek perumahan kos rendah. Dengan peruntukan sebanyak ini, adalah dijangkakan kira-kira 25,600 unit rumah kos rendah akan dibina dalam tahun 1984.

**Cukai Jualan dan Bahan-bahan Binaan**

Pada masa sekarang kebanyakan bahan-bahan binaan adalah dikecuali dari cukai jualan. Walau bagaimanapun, buat masa ini adalah difikirkan pengecualian itu sepatutnya dihadkan kepada bahan-bahan binaan yang digunakan dalam pembinaan bangunan-bangunan kos rendah dan sederhana sahaja. Adalah dicadangkan supaya cukai jualan dikenakan semula ke atas sejumlah 46 jenis bahan-bahan binaan yang biasanya tidak digunakan untuk binaan rumah kos rendah dan rumah kos sederhana. Selain daripada itu, adalah dicadangkan supaya terazo dan "wire-mesh" yang digunakan dengan luasnya bagi perumahan kos rendah dan perumahan kos sederhana dikecualikan dari cukai jualan.

**Menaikan Paras Pengecualian Duti Harta Pesaka**

Pada masa ini, paras pengecualian duti harta pesaka yang dikenakan ke atas si mati yang menetap di Malaysia dihadkan kepada $300,000 dan bagi harta si mati yang tidak menetap di Malaysia dihadkan kepada $60,000. Oleh kerana nilai harta rumah telah naik disebabkan oleh inflasi sejak ulangkaji terhadap duti harta pesaka dibuat dalam tahun 1979, adalah dicadangkan supaya:

(i) paras pengecualian bagi duti harta pesaka yang dikenakan ke atas harta si mati yang menetap di Malaysia dinaikkan dari $300,000 kepada $600,000; dan

(ii) paras pengecualian bagi duti harta pesaka yang dikenakan ke

atas harta si mati yang tidak menetap di Malaysia dinaikkan dari $60,000 kepada $120,000.

Cadangan ini berkuatkuasa mulai hari ini.

**Pengecualian dari Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT)**

Sehubungan dengan ini, adalah dicadangkan supaya keuntungan yang diperolehi dari penjualan harta tanah kepunyaan si mati untuk tujuan menyelesaikan duti harta pesaka dikecualikan dari Cukai Keuntungan Harta Tanah. Tetapi pengecualian ini dihadkan setakat jumlah duti harta pesaka yang kena dibayar.

**Pengecualian dari Cukai Keuntungan Harta Tanah atas Pejualan Selepas Penyusunan Semula**

Semua keuntungan yang diperolehi oleh syarikat yang telah disusun semula, hasil daripada pindahmilik harta tanah daripada syarikat asalnya dikecualikan daripada Cukai Keuntungan Harta Tanah. Tetapi apabila harta tanah berkenaan dijual oleh syarikat itu dalam tempoh enam tahun sejak ia disusun semula sebarang keuntungan dari jualan ini akan dikenakan Cukai Keuntungan Harta Tanah, oleh kerana peruntukan dalam undang-undang yang ada sekarang tidak mengambilkira lagi tarikh asal pemilikan harta itu. Disebaliknya tarikh pemilikan harta itu dianggap bermula dari tarikh penyusunan semula dilakukan. Untuk menggalakkan lebih banyak syarikat menyusun semula dengan cepat adalah dicadangkan supaya tarikh asal mereka memiliki harta tanah itu dianggap sebagai tarikh harta itu mula-muka dimiliki oleh syarikat yang memindahkan harta berkenaan, asalkan penyusunan semula ini dilakukan selaras dengan dasar Kerajaan.

**Pertanian**

Tuan Yang Dipertua, pertanian akan terus menjadi asas utama ekonomi kita untuk beberapa tahun yang akan datang. Sektor ini mengandungi kumpulan isi rumah yang berpendapatan rendah yang paling tinggi. Dengan demikian, Kerajaan akan terus memberi keutamaan tinggi kepada sektor ini. Sejumlah $795 juta akan disediakan bagi Perbelanjaan Mengurus untuk mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan kepada para petani dan nelayan kita. Dari jumlah tersebut, $178 juta akan diperuntukkan bagi program sokongan harga padi. Peruntukan bagi Perbelanjaan Mengurus ini juga akan digunakan untuk menyenggara infrastruktur dan kemudahan pertanian yang sedia ada termasuk sistem-sistem perparitan dan pengairan, kemudahan-kemudahan penyelidikan dan pembangunan, dan juga pertubuhan-pertubuhan dan badan-badan yang mengelolakan kredit pertanian, pemerosesan dan pemasaran pertanian. Selain daripada agensi-agensi pembangunan wilayah yang sedia ada, peruntukan akan juga disediakan bagi Lembaga Kemajuan Pulau Pinang dan Lebaga Kemajuan Wilayah Jengka.

Di samping Perbelanjaan Mengurus, sebanyak $1,325 juta lagi disediakan bagi program-program dan projek-projek pembangunan di dalam sektor pertanian. Daripada jumlah tersebut, sejumlah $510 juta ialah untuk pembangunan tanah. Seperti di tahun-tahun yang sudah, pelaksanaan pembangunan rancangan-rancangan tanah akan dipelopori oleh FELDA dengan matlamat membuka tanah kira-kira 30,000 hektar tiap-tiap tahun. Dalam tahun 1984 FELDA akan menumpukan usahanya untuk menyudahkan rancangan-rancangan yang sudah dimula dan melaksanakan rancangan-rancangan baru terutama sekali di Negeri Sabah. FELCRA

akan terus melaksanakan programnya untuk memulihkan kebun-kebun yang tidak ekonomik dan menempatkan semula petani-petani di bawah program penempatan semula. Peruntukan bagi pembangunan tanah akan juga disediakan kepada agensi-agensi negeri termasuk Lembaga Pembangunan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang, Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak dan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak. Lembaga-lembaga Pembangunan Wilayah akan terus memajukan pusat-pusat pertumbuhan pembangunan.

Kira-kira dua pertiga daripada jumlah pekebun-pekebun kecil kita memiliki tanah kurang daripada 2 hektar. Menyedari tentang kesusahan pekebun-pekebun kecil getah ini khususnya, usaha-usaha Kerajaan akan dipertingkatkan untuk mengadakan galakan-galakan serta juga kemudahan-kemudahan yang lebih banyak dan lebih baik untuk membantu mereka menambah pendapatan. Sebanyak $82 juta adalah disediakan daripada perbelanjaan mengurus untuk perbelanjaan pentadbiran RISDA. Langkah-langkah sedang diambil untuk meluaskan program-program tanaman semula getah bagi meliputi Sabah dan Sarawak.

Di Semenanjung Malaysia, program-program baru telah dimulakan dengan tujuan untuk memperbaiki kedudukan pekebun-pekebun kecil khususnya bagi mereka yang semata-mata bergantung kepada kebun-kebun mereka sebagai punca pendapatan utama. Sejumlah $40 juta adalah disediakan bagi berbagai-bagai kemudahan dan bantuan yang diperlukan. Di samping itu, sejumlah $35 juta adalah diperuntukan kepada pekebun-pekebun kecil dalam tempoh mereka menanam semula getah mereka.

**Cadangan untuk Mengkaji Cara Pengiraan Duti Eksport ke atas Getah Sekarang Berdasarkan Harta Warta atas Getah**

Sebagai sebahagian daripada usaha yang berterusan untuk membaiki lagi struktur duti eksport yang dikenakan ke atas getah adalah dicadangkan supaya duti eksport yang dikenakan ke atas getah didasarkan atas nilai harga yang diwartakan berasaskan dua gred getah, iaitu RSS3 dan SMR20.

**Cadangan untuk Mengubah Harga Permulaan atas Getah dan Lada.**

Memandangkan bahawa kos pengeluaran getah dan lada telah pun naik, adalah dicadangkan supaya harga permulaan yang digunakan bagi tujuan untuk memungut duti eksport dari getah di semak semula dari 170 sen se kg kepada 180 sen se Kg. Untuk lada hitam dari $2,810.89 setan metrik kepada $3,000 setan metrik dan untuk lada putih dari $3,306,93 setan metrik kepada $3,500 setan metrik.

**Cadangan Struktur Duti Eksport atas Minyak Isirong Kelapa Sawit**

Kedua-dua minyak mentah kelapa sawit dan minyak isirong kelapa sawit yang telah diproses sekarang ini tertakluk kepada kadar duti eksport yang sama sebanyak 5%. Struktur duti eksport yang ada sekarang ini tidak menggalakan perusahaan ini membuat pemerosesan yang lebih lanjut bagi minyak isirong kelapa sawit yang sekarang ini masih dieksport terutama sekali dalam bentuk bahan mentah. Oleh itu adalah dicadangkan supaya struktur duti yang ada sekarang ini diubah supaya minyak isirong kelapa sawit mentah dikenakan kadar duti eksport yang tinggi sebanyak 10%, manakala minyak isirong kelapa sawit yang diperoses dikecualikan dari duti eksport.

Daripada jumlah $548 juta yang diperuntukkan bagi pembangunan pertanian, $302 juta adalah disediakan bagi 14 buah projek Pembangunan Pertanian Bersepadu di seluruh negara. Usaha-usaha yang dijalankan di bawah program ini akan membantu mengurangkan kemiskinan yang terdapat dalam sektor pertanian. Selain daripada projek Pembangunan Pertanian Bersepadu yang dijalankan di Johor Barat, Pahang Barat dan Seberang Perak, projek-projek yang sama yang dilaksanakan di tempat-tempat yang lain akan menitikberatkan usaha-usaha untuk memperbaiki taraf hidup penanam-penanam padi kita. Di samping membaiki kemudahan-kemudahan yang sedia ada kemudahan-kemudahan baru akan disediakan untuk membolehkan tanaman padi dua musim diusahakan. Selain daripada tanaman padi dalam musim utama, bantuan yang cukup akan juga diberi supaya dapat diadakan tanaman kontan di luar musim. Di mana difikirkan sesuai sawah-sawah di luar musim akan dipulih supaya dapat diadakan tanaman yang kekal untuk memberi pendapatan yang lebih baik kepada petani-petani. Lain-lain kegiatan pertanian yang berkaitan seperti tanaman semula getah, tanaman pokok buah-buahan dan tanaman sayor-sayoran akan diberi perhatian yang lebih berat di bawah Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu. Perkhidmatan perkembangan akan dilipatgandakan untuk mempastikan kejayaan program-program yang diusahakan. Supaya petani-petani kita mendapat pendapatan yang lebih baik, cara menanam sayor-sayoran yang lebih baik berdasarkan pengalaman MARDI yang telah teruji di Kelantan akan diperkenalkan. Semakin banyak usaha-usaha di bawah rancangan Pembangunan Pertanian Bersepadu dilaksanakan maka diharapkan kadar kemiskinan di dalam sektor pertanian akan dapat dikurangkan lagi.

**Menghapus Duti Eksport Atas Buah-buahan Tempatan**

Pada masa ini beberapa jenis buah-buahan tempatan masih dikenakan duti eksport sebanyak 5%. Oleh kerana keadaan pengeluaran telah bertambah baik adalah dicadangkan supaya duti eksport yang dikenakan ke atas buah-buahan tempatan seperti mempelam, rambutan, durian dan mata-kucing ini dihapuskan. Adalah diharapkan dengan penghapusan duti eksport ini, penanam-penanam buah-buahan akan mendapat pasaran yang lebih luas untuk pengeluaran mereka serta mendapat tukaran asing yang lebih lagi bagi negara kita.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan akan meneruskan program bantuan pertanian bagi padi, lada dan sagu. Peruntukan sebanyak $79 juta adalah disediakan bagi maksud ini yang sebahagian besarnya ialah untuk bekalan baja kepada penanam-penanam padi. Sebanyak $13.8 juta lagi adalah disediakan bagi tanaman semula dan pemulihan kebun kecil kelapa. Bagi menambah pendapatan pekebun kecil kelapa, program-program yang merangkumi ternakan lembu daging atau lembu susu akan diteruskan. Walau bagimanapun, Program Menggiat dan Mempelbagaikan Tanaman akan banyak dikurangkan dan pelaksanaannya dihadkan kepada beberapa Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu terpilih di mana kemajuan selanjutnya adalah lebih terjamin.

Peruntukan sebanyak $33 juta adalah disediakan untuk memajukan perusahaan perikanan. Program untuk perikanan pantai dalam akan diberi penekanan yang khusus. Satu pendekatan baru untuk memajukan perusahaan perikanan akan dilaksanakan dengan tujuan meninggikan taraf sosio-ekonomi kaum nelayan. Nelayan akan diberi

bantuan subsidi tetapi tidak sepenuhnya untuk membeli alat-alat menangkap ikan. Selain dari itu sejumlah $34 juta adalah diperuntukkan bagi mengadakan lain-lain kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan untuk nelayan pantai dalam dan penternak-penternak ikan air tawar.

**Infrastruktur**

Tuan Yang Dipertua, terdapat sekarang pertalian saling bergantung yang semakin berkembang di antara sektor perindustrian dan sektor pertanian. Barang-barang keluaran kilang tempatan kita semakin banyak akan berasaskan kepada sumber-sumber alam kita yang sudah téntu akan memberi kepada kita kelebihan kedudukan dalam persaingan kita dengan negara-negara lain di bidang eksport barang-barang keluaran kilang. Kerajaan sekarang sedang menggubal satu Rancangan Pelan Induk Perindustrian Jangka Panjang yang akan menentukan arah kemajuan perindustrian kita di masa depan. Ini memerlukan pertambahan kemudahan infrastruktur.

Sementara itu, keutamaan akan diberi seberapa yang boleh untuk meneruskan projek-projek infrastruktur yang telah dimulakan. Sejumlah $120 juta akan diperuntukkan kepada Keretapi Tanah Melayu dan daripada jumlah tersebut $65 juta adalah untuk membaiki landasan-landasan keretapi. Sebanyak $300 juta akan diperuntukkan bagi pembangunan pelabuhan, termasuklah $129 juta untuk pembangunan Pelabuhan Pasir Gudang. Lapangan-lapangan terbang di beberapa tempat dalam negeri juga akan dimajukan lagi dengan peruntukan sebanyak $209 juta dengan cara membesarkan landasan, bangunan terminal dan pembelian alat-alat kelengkapan yang moden. Rancangan pemajuan ini akan meliputi lapangan terbang di Pulau Langkawi, Miri, Sandakan, Kota Kinabalu dan Subang.

Adalah diakui bahawa tenaga letrik adalah amat mustahak bagi perkembangan industri dan pemodenan kawasan-kawasan luar bandar. Oleh itu, sejumlah $759 juta akan diperuntukkan untuk pembangunan letrik. Dari jumlah ini sebanyak $186 juta adalah bagi Stesyen Janaletrik Pelabuhan Kelang, $170 juta bagi Stesyen Janaletrik Paka, $162 juta untuk projek haidroletrik Batang Ai di Sarawak, $58 juta untuk projek haidroletrik Kenyir di Terengganu dan $30 juta untuk projek haidroletrik di Tenom Pangi, Sabah. Projek-projek besar yang dijangka akan siap dalam tahun 1984 termasuklah Peringkat II Stesyen Janaletrik Connaught dengan keupayaan kuasa 90 megawat dan Peringkat I Stesyen Janaletrik Paka dengan keupayaan kuasa 400 megawat. Peringkat I Stesyen Janaletrik Pelabuhan Kelang yang mempunyai keupayaan kuasa 600 megawat dijangka siap dalam tahun 1985 sementara projek haideroletrik Kenyir dengan jumlah keupayaan kuasa sebanyak 400 megawat dijangka siap pada akhir tahun 1985.

Satu lagi keperluan penting dalam proses pertumbuhan ekonomi ialah untuk memajukan bidang telekom bukan sahaja untuk kegunaan dalam negeri tetapi yang lebih mustahak sekali untuk perdagangan luar negeri. Oleh yang demikian, Kerajaan akan memberi keutamaan kepada perkembangan dan pemodenan perkhidmatan telekom yang pada masa ini ketinggalan dalam pembangunan ekonomi kita yang sedang berjalan dengan pesat. Di bawah rancangan untuk memodenkan perkhidmatan talipon, adalah

dirancang untuk menambah satu juta talian talipon sebelum akhir tahun 1985. Bagi tahun hadapan sejumlah $650 juta diperuntukkan bagi maksud ini. Memandangkan betapa perlunya dipermodenkan sistem talipon untuk kegunaan perniagaan, saya cadangkan Elaun Susutan Dipercepat diperluaskan untuk meliputi alat-alat talipon. Keutamaan yang tinggi juga diberi untuk pembangunan jalan, jambatan dan bekalan air dengan peruntukan sejumlah $1,200 juta. Dari jumlah ini, $581 juta adalah disediakan untuk jalan dan jambatan.

Sejumlah $619 juta akan diperuntukkan bagi bekalan air. Projek-projek utama yang dijangka siap dalam tahun 1984 termasuklah rancangan-rancangan bekalan air Tanah Merah/Machang dan Kota Bharu di Kelantan, Peringkat II dan III rancangan bekalan air Durian Tunggal di Melaka, rancangan-rancangan bekalan air Temerloh/Mentakab dan Kuantan di Pahang, rancangan bekalan air Kuala Kangsar di Perak dan rancangan bekalan air Mengkuang di Pulau Pinang.

**Dasar Kewangan ("Monetary Policy")**

Tuan Yang Dipertua, kedudukan kewangan negara telah dapat diuruskan supaya mewujudkan keadaan yang stabil. Kegiatan pihak swasta pada paras yang lebih tinggi dan prestasi perdagangan luar yang lebih baik telah dapat mengimbangi kesan pengurangan perbelanjaan Kerajaan, iaitu hasil daripada langkah memperkemaskan kedudukan kewangan Kerajaan. Sistem bank pada keseluruhannya mempunyai mudah tunai yang cukup. Bank Negara terus berusaha melegakan keadaan kewangan yang sempit supaya kadar faedah bank yang menurun akan dapat dikekalkan. Kadar faedah bagi simpanan telah turun sepanjang tahun ini. Tetapi kadar pinjaman kebanyakan bank tidak juga lagi menurun sejajar dengan penurunan kadar simpanan dan perbezaan ini menyebabkan kadar faedah masih tinggi dan ini telah memberi keuntungan yang lebih kepada bank.

Untuk menentukan supaya para peminjam manfaat manakala kadar faedah bank turun, satu sistem baru untuk menentukan kadar faedah yang sesuai akan dikuatkuasakan mulai 1hb November, 1983. Di bawah peraturan ini semua kadar pinjamam—kecuali kadar faedah untuk sektor-sektor yang diutamakan—akan diasaskan kepada kadar pinjaman terendah yang diisytiharkan oleh bank. Di bawah sistem ini hanyalah margin faedah yang akan ditentukan dan ini bergantung kepada kedudukan kredit si peminjam. Oleh itu kadar yang dikenakan ke atas pinjaman akan turun naik menurut kadar pinjaman bank yang terendah. Dengan adanya sistem otomatik ini maka tidaklah perlu bagi bank menentukan siapa yang patut mendapat manfaat dan sebanyak mana, apabila kadar faedah berubah.

Di sepanjang tahun depan, dasar kewangan akan terus dilaksanakan untuk memenuhi keperluan-keperluan yang tertentu dan akan dilaksanakan secara flexible bersesuaian dengan perubahan yang berlaku dalam ekonomi.

Bekalan wang akan diurus supaya bank-bank mempunyai mudah tunai yang cukup untuk memenuhi keperluan bagi pengeluaran, eksport, pelaburan swasta dan lain-lain kegunaan yang produktif apabila ekonomi negara mula pulih dengan lancar. Pembiayaan eksport dan pelaburan untuk menghasilkan eksport akan diberi keutamaan yang tinggi. Begitu juga keperluan-keperluan kredit kaum bumiputera peniaga-peniaga kecil dan bakal

pembeli rumah. Kita akan mempastikan bahawa mereka boleh mendapatkan kredit bank pada kos yang berpatutan.

**Prospek Ekonomi Malaysia Bagi Tahun 1984**

Tuan Yang Dipertua, walaupun ekonomi antarabangsa dalam jangkamasa panjang masih terus berada dalam keadaan yang tidak berketentuan, namun prospek dalam masa beberapa tahun yang akan datang dijangka lebih baik dari tahun ini.

Berdasarkan kepada tinjauan ekonomi antarabangsa yang telah saya gariskan tadi serta Strategi Belanjawan 1984 yang telah dikemukakan itu, ekonomi Malaysia sekarang ini dijangka mencapai kadar pertumbuhan dari segi sebenar sebanyak kira-kira 6% dalam tahun 1984, berbanding dengan 5.6% pada tahun ini. Inflasi juga dijangka stabil pada tahap kira-kira 4%.

Akaun Dagangan Imbangan Pembayaran akan bertambah baik dan mencatatkan lebihan sebanyak kira-kira $2.8 ribu dan ini akan memberi sumbangan utama kepada prestasi ekonomi negara. Prestasi yang lebih baik ini mencerminkan masa depan yang lebih baik bagi harga-harga barangan eksport kita dan kadar pertumbuhan import yang menurun disebabkan terutama sekali dari pengurangan perbelanjaan Kerajaan. Penggunaan swasta dijangka meningkat selaras dengan pendapatan eksport barangan yang dijangka bertambah. Pelaburan swasta juga dijangka meningkat selaras dengan suasana perniagaan yang bertambah yakin oleh kerana kesan-kesan ekonomi antarabangsa yang semakin baik.

Belanjawan 1984 juga dijangka bertambah kukuh dengan lebihan akaun semasa dianggarkan berjumlah $380 juta selepas mengambilkira cukai-cukai baru yang dikenakan. Oleh itu, Belanjawan Tahun 1984 akan mencapai matlamatnya untuk mengukuh Imbangan Pembayaran dan kedudukan Kerajaan. Ini akan mempercepatkan usaha-usaha mengubahsuai struktur ekonomi negara supaya dapat mencapai matlamat sosio-ekonomi dengan lebih berjaya.

**Penutup**

Tuan Yang Dipertua, Kita bersyukur ke hadhrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah rahmatNya kita telah dapat mengelakkan diri kita daripada menanggung kesan yang lebih buruk dari kemelesetan ekonomi antarabangsa yang berlarutan itu. Kita bersyukur kerana dengan taufik dan hidayahNya kita telah berjaya mengambil langkah-langkah yang tepat dan tegas untuk mengatasi kesan-kesan buruk daripada kemelesetan ekonomi antarabangsa dan berjaya pula memulakan perubahan dalam struktur ekonomi kita.

Langkah-langkah untuk mengubahsuaikan struktur ekonomi yang telah diambil di bawah Strategi Belanjawan ini untuk memperbaiki kedudukan Imbangan Pembayaran kita dan untuk memperkemaskan lagi kedudukan kewangan Kerajaan, diharap akan mengukuhkan lagi ketahanan sosio—ekonomi negara kita. Ini akan menambahkan keyakinan kita semua dalam usaha mengatasi masalah-masalah yang mungkin timbul di masa depan, insya Allah.

Tuan Yang Dipertua, Sungguhpun kita telah mengambil langkah-langkah menghadkan perbelanjaan, tetapi peruntukan bagi perbelanjaan pembangunan dalam sektor awam bagi tahun 1984 adalah lebih tinggi

daripada peruntukan bagi tahun-tahun yang sudah. Peruntukan-perruntukan perbelanjaan adalah sentiasa disemak semula dari semasa kesemasa. Yang diutamakan dalam hal membahagi-bahagikan peruntukan ini ialah menentukan supaya kepentingan golongan yang berpendapatan rendah diberi keutamaan yang tinggi sambil menentukan juga bahawa ketahanan dan pertumbuhan ekonomi negara bertambah teguh.

Oleh itu sudah sepatutnyalah kita semua rakyat Malaysia dari setiap lapisan masyarakat bersatupadu untuk menghadapi masa depan kita dengan sikap yang lebih optimis dan penuh keyakinan. Kerjasama di antara Kerajaan dengan pihak swasta akan dipertingkatkan lagi menerusi dasar-dasar yang pragmatis dalam semangat konsep Persyarikatan Malaysia.

Usaha kita bersama akan menambahkan lagi potensi ekonomi Malaysia untuk mencapai tahap prestasi yang lebih tinggi bagi faedah semua rakyat. Khususnya kita akan berusaha sedaya upaya untuk meningkatkan lagi kebajikan golongan yang berpendapatan rendah. Saya suka menegaskan bahawa Kerajaan akan terus memberi keutamaan yang khusus untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Harapan rakyat adalah tinggi. Tetapi potensi negara kita untuk memenuhi harapan ini tidak kurang tingginya. Walau bagimanapun, kita tidak boleh berpeluk tubuh sahaja. Malah, hanyalah dengan semangat perpaduan yang lebih kukuh, disiplin yang kuat dan usaha yang keras oleh sekalian rakyat, akan dapat kita mencapai segala-segala yang dihasratkan itu. Ini akan diusahakan oleh Kerajaan, dengan sokongan yang penuh dari rakyat, insya Allah.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan. *(Tepuk).*

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan):** Tuan Yang Dipertua, Saya mohon menyokong.

# USUL

## ANGGARAN PEMBANGUNAN 1984

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan bahawa Usul di atas nama saya berkenaan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan, 1984 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini diserahkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis yang berbunyi:

> Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulan wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada $8,675,890,470 dibelanjakan daripada Kumpulan wang Pembangunan bagi tahun 1984, dan bagi tujuan-tujuan dan butir-butir perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1984 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31 tahun 1983, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

**Dato' Dr Neo Yee Pan:** Tuan Yang Dipertua. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan di atas kedua-dua masalah ini akan dimulakan pada hari Isnin mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 66 (2).

Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari isnin, 24hb Oktober, 1983.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.20 petang.*

LAMPIRAN I

**Memperkenalkan skim galakan untuk pengguna-pengguna timah tempatan.**

Berbeza dengan lain-lain komoditi, duti eksport ke atas timah tidak dikenakan semasa eksport. Sebaliknya duti eksport ke atas timah dikenakan bila bijih timah masuk kilang melabur sama ada di Pulau Pinang atau di Butterworth. Ini bermakna bila pengguna-pengguna tempatan membeli jongkong untuk diproses selanjutnya, harga yang mereka bayar adalah termasuk duti eksport. Untuk mengatasi keadaan ini, adalah dicadangkan satu skim galakan diperkenalkan di mana pengguna-pengguna bijih timah adalah layak mendapat rebat sebanyak $700 se tan bagi timah yang digunakan di dalam negeri. Adalah diharapkan pengenalan skim ini akan menggalak lebih banyak pemerosesan bijih timah di dalam negeri.

LAMPIRAN II

**Meluaskan skop Elaun Bangunan Perindustrian**

Elaun Bangunan Perindustrian (EBP) ialah elaun modal yang dibenarkan di dalam mengira pendapatan yang dilaraskan dan ia hanya dihadkan kepada perbelanjaan modal yang ditanggung untuk bangunan yang digunakan bagi perniagaan sahaja. Untuk menggalakkan latihan dalam bidang perindustrian oleh sektor swasta bagi mengatasi kekurangan tenaga mahir dan untuk memudahkan kemajuan sektor eksport dengan tujuan meningkatkan eksport, adalah dicadangkan supaya EBP diperluaskan untuk merangkumi bangunan-bangunan yang disahkan untuk latihan perindustrian dan gudang-gudang berlesen serta setor-setor untuk simpanan secara pukal yang digunakan untuk menyimpan barang-barang untuk dieksport.

2. Cadangan ini mula berkuatkuasa dari tahun taksiran 1984.

LAMPIRAN III

**Cadangan untuk membantu perniagaan barang-barang kemas**

Perniagaan barang-barang kemas di Malaysia adalah berpusat di sekitar Wilayah Persekutuan, Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Kelantan dan ia memberi pekerjaan kepada kira-kira 14,000 orang. Walau bagaimanapun, dari segi harga, persaingan, bentuk dan cara penyiapan, kerana beberapa sebab, perniagaan barang-barang kemas tempatan tidak dapat bersaing dengan perniagaan yang sama di negara-negara jiran. Dalam usaha untuk membaiki kedudukan persaingan perniagaan ini, adalah dicadang supaya dihapuskan duti import dan cukai tokok ke atas berbagai jenis bahan mentah (iaitu berlian, emas, "Jade, cultured pearls, platinum", batu-batu permata, lain-lain batu separa permata dan sebagainya), yang digunakan untuk membuat barang-barang kemas. Di samping itu dicadangkan supaya barang-barang kemas yang telah siap dikecualikan dari cukai jualan.

Kepilan

*BARANG-BARANG YANG DICADANGKAN UNTUK DINAIKKAN DUTI IMPORT*

| *Bil. B.T.N.* | | *Keterangan* | *Unit* | *Kadar Sekarang* | *Kadar Dicadangkan* |
|---|---|---|---|---|---|
| 03.02 | 200 | Cod, not in fillets, dried, whether or not salted. | kg. | 20% | 45% |
| | 310 | Fishmaws | tonne | 20% | 35% |
| | 320 | Shark's fins | tonne | 20% | 45% |
| | 391 | Marine | tonne | Nil | 10% |
| | 410 } 490 } | Salmon | kg. | 20% | 45% |
| 03.03 | 210 } 291 } 292 } | Oysters etc. | tonne | Nil | 50% |
| 04.03 | 210 | Anhydrous butterfat for use in the manufacture of reconstituted milk. | kg. | 2% | 5% |
| 04.04 | 100 | Cheese | kg. | 7½% | 15% |
| 04.05 | 220 | Duck's eggs | 100 | $3 | 5%/$3.30 |
| 07.04 | 100 | Dried Mushrooms | tonne | $440.92 | 10%/$600.00 |
| | | In airtight containers: | | | |
| 16.04 | 120 | herrings and brislings | tonne | Nil | 45% |
| | 130 | pilchards | tonne | Nil | 45% |
| | 140 | salmon | tonne | Nil | 45% |
| | 150 } 190 } | sauries | tonne | Nil | 45% |
| | | In other than airtight containers: | | | |
| | 210 | shark's fins | tonne | 20% | 45% |
| | 220 | fish paste and similar preparations | tonne | Nil | 5% |
| | 230 } 290 } | fish, boiled or steamed | tonne | Nil | 45% |
| | | In airtight containers: | | | |
| 16.05 | 110 | abalone | tonne | 20% | 45% |
| | 120 | prawns and shrimps | tonne | Nil | 45% |
| | 130 | crabs | tonne | Nil | 45% |
| | 140 | cuttle fish | tonne | Nil | 35% |
| | 150 | other | tonne | Nil | 35% |
| | 200 | In Other than airtight containers | tonne | Nil | 35% |
| 18.01 | 000 | Cocoa beans, whole or broker, raw or roasted | kg. | Nil | 25% |
| 18.02 | 000 | Cocoa paste (in bulk or in block) whether or not defatted | kg. | $3.53 | 25%/$4.00 |

| Bil. B.T.N. | | Keterangan | Unit | Kadar Sekarang | Kadar Dicadangkan |
|---|---|---|---|---|---|
| 18.04 | 000 | Cocoa butter (fat or oil) | kg. | Nil | 25% |
| 18.05 | 000 | Cocoa powder, unsweetened | kg | Nil | 25% |
| 18.06 | 000 | Cocoa powder, sweetened | kg. | $3.00 | 25%/$5.00 |
| | 200 | Chocolate | kg. | $3.00 | 35%/$5.00 |
| | 300<br>900 | Chocolate candies and other chocolate confectionery | kg. | $3.00 | 35%/$5.00 |
| 19.03 | 000 | Macaroni, spaghetti and similar products | kg. | Nil | 25% |
| 21.02 | 100 | Extracts, essences or concentrates of coffee | kg. | 44 sen | 10%/60 sen |
| 21.04 | 100 | Soya bean sauce | 1 | 20%/11 sen | 45%/20 sen |
| | 200 | Tomato sauce | 1 | 20%/11 sen | 45%/20 sen |
| | 500 | other sauces | 1 | 20%/11 sen | 45%/20 sen |
| 21.07 | 200 | Non-alcoholic preparations used for making beverages | 1 | Nil | 10% |
| | 500 | Seri Kaya | kg. | Nil | 35% |
| | 600 | Preparation used for making jellies | kg. | Nil | 10% |
| | 700 | Peanut Butter | kg. | 44 sen | 5%/50 sen |
| | 900 | Other | tonne | Nil | 30% |
| 22.01 | 200 | Spa waters and aerated waters | 1 | 35 sen | 25%/50 sen |
| 22.02 | 100 | Non-aerated beverages, ready for consumption without dilution. | 1 | 35 sen | 45%/80 sen |
| 36.05 | 900 | Other than pyrotechnic like articles kije fire-works, railway fog signals, amorces, rain rockets | kg. | 66 sen | 45%/$1.00 |
| 39.07 | 921 | Roofing tiles | tonne | 25%/33 sen | 45%/50 sen |
| 39.07<br>69.10<br>73.38 | 220<br>100<br>210 | Long bath | No. | $5 each | 45% |
